

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Budak 8 tahun antara tiga korban baharu jangkitan

Lembah Klang rekod kenaikan mendadak, catat 661 kes baharu

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Tiga lagi kematian akibat COVID-19 termasuk membabitkan kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun dicatatkan semalam, dengan semuanya dilaporkan di Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan itu menjadikan 309 kes kematian atau 0.7 peratus daripada keseluruhan kes direkodkan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC).

Mengulas lanjut, katanya kes kematian ke-307 membabitkan kanak-kanak perempuan itu dilaporkan di Hospital Tawau, dengan mangsa tidak mempunyai latar belakang penyakit kronik.

"Kes ke-308 seorang lelaki berusia 77 yang meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent. Mangsa mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi, penyakit jantung dan penyakit buah pinggang.

"Kematian ke-309 pula membabitkan wanita berusia 63 juga meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent dan mangsa mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi serta penyakit jantung," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sementara itu, beliau memaklumkan jumlah kes harian CO-



**Anggota tentera** berkawal di kawasan Medan 88 Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, yang dipasang kawat duri berikutan pelaksanaan PKPD, semalam. (Foto BERNAMA)

VID-19 di negeri sekitar Lembah Klang merekodkan peningkatan mendadak, mewakili 54.7 peratus daripada keseluruhan 1,208 kes baharu semalam.

Dr Noor Hisham berkata, secara keseluruhan 661 kes positif baharu dicatatkan di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, berbanding hanya 217 yang direkodkan kelmarin.

Beliau berkata, 594 atau 89.9 peratus daripada jumlah kes di Lembah Klang dicatatkan melalui kluster termasuk 460 kes melalui Kluster Tapak Bina Damanlela di Kuala Lumpur.

Di Kuala Lumpur juga, katanya enam kes import mendapat jangkitan luar negara dilaporkan membabitkan bukan warganegara dengan tiga kes tiba dari India dan masing-masing satu dari

Bangladesh, Nepal dan Indonesia.

"Secara keseluruhan, 1,208 kes baharu dilaporkan semalam menjadikan jumlah positif COVID-19 di Malaysia 47,417 kes. Jumlah kes aktif dengan kebolehhajjangan COVID-19 pula adalah 12,323 kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, 1,013 lagi kes pulih dicatatkan semalam menjadikan kumulatif 34,785 kes pulih atau 73.4 peratus daripada keseluruhan kes.

Beliau turut memaklumkan penamatan Kluster Bah Arnab yang membabitkan daerah Kuching di Sarawak, manakala tiga kluster baharu dilaporkan semalam membabitkan Kluster Plaza, Kluster Jalan Kalabakan dan Kluster Jeri.

"Kluster Plaza membabitkan

daerah Kota Kinabalu dengan sehingga hari ini (semalam) sejumlah 19 individu disaring dan 12 kes dikesan positif COVID-19.

"Kluster Jalan Kalabakan pula membabitkan daerah Tawau dengan kes indeks dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 31 Oktober lalu. Sejumlah 22 individu disaring, di mana semuanya positif COVID-19.

"Kluster Jeri membabitkan daerah Kota Tinggi di Mersing dan Muar di Johor, yang mana kes indeks dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Singapura pada 6 November lalu. Seramai 1,170 individu disaring, dengan 26 kes positif dikesan, manakala 609 masih menunggu keputusan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

## covid-19

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 1,208 kes positif baharu jangkitan Covid-19 dan tiga kematian termasuk seorang kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun dilaporkan, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ini menjadikan jumlah kumulatif penularan wabak itu 47,417 kes manakala kes aktif dengan kebolehhajjikan sebanyak 12,323 kes.

Menurutnya, Sabah mencatatkan 381 kes daripada keseluruhan kes manakala Lembah Klang mencatat-

## Budak perempuan 8 tahun antara korban coronavirus

kan 661 kes iaitu Kuala Lumpur dengan 475 kes dan Selangor 185 kes.

Katanya, Negeri Sembilan (48), Perak (21), Pulau Pinang (42), Labuan (30), Johor (9), Kedah (8), Sarawak (4), Melaka (2), Kelantan dan Perlis masing-masing satu kes.

"Sebabnya tujuh kes dilaporkan

berkaitan kluster di penjara membabitkan Kluster Penjara Seberang Perai, Kluster Penjara Sandakan dan Kluster Penjara Kepeyan.

"Daripada jumlah kes baharu, ada enam kes import membabitkan bujukan warganegara yang tiba

dari India, Bangladesh, Nepal dan Indonesia," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 1,013 kes pulih dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih 34,785 kes atau 73.4 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Beliau berkata, terdapat 104 kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 42 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Menurutnya, tiga kematian dilaporkan ke Pusat Ke-siapsiagaan dan Respons Krisis (CPRC) Kebangsaan setakat jam 12 tengah hari, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian bertambah kepada 309 kes.


"Kes kematian ke-307 (kes ke-45,459) membabitkan kanak-kanak berusia lapan tahun dilaporkan meninggal dunia di Hospital Ta-wau.

"Kes kematian ke-308 (kes ke-32,143) membabitkan le-

laki berusia 77 tahun yang dilaporkan meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent, Sabah. Beliau ada latar belakang penyakit darah tinggi, jantung dan buah pinggang.

"Kes kematian ke-309 (kes ke-45,486) membabitkan wanita berusia 63 tahun yang meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent. Beliau mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan jantung," katanya.

### Kawal ketat Medan 88



**ANGGOTA** Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berkawal di kawasan Medan 88, Bandar Baru Salak Tinggi yang berkawal dari berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) ketika tinjauan, semalam.

## Tiga kluster baharu di Sabah serta Johor

**Kuala Lumpur:** Tiga lagi kluster baharu Covid-19 dikesan, semalam membabitkan dua daerah di Sabah dan tiga daerah di Johor.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster pertama dikenali sebagai Kluster Plaza di Kota Kinabalu membabitkan indeks kes ke-42,299.

Beliau berkata, kluster terbabit dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 11 November lalu dan mereka yang terbabit dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah, Institut Kemahiran Mara, Kota Kinabalu.

"Saringan kontak rapat mengesan 11 lagi kes positif Covid-19 dan sehingga 12 tengah hari (semalam), 19 individu disaring membabitkan 12 kes dikesan positif Covid-19 (11 kes baharu) manakala tujuh lagi individu dikesan negatif.

"Kluster Jalan Kalabakan di Tawau pula membabitkan kes indeks ke-31,309 yang dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 31 Oktober lalu dan dimasukkan ke Hospital Tawau.

"Saringan kontak rapat mengesan sebanyak 21 lagi

**42,299**

Indeks kes bagi Kluster Plaza di Kota Kinabalu

kes positif Covid-19 dan 22 individu disaring dengan semuanya dikesan positif Covid-19 (tiga kes baharu)," katanya menerusi satu kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, Kluster Jeri pula membabitkan daerah Kota Tinggi, Mersing dan Muar di Johor apabila kes indeks kluster itu dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA), Singapura pada 6 November lalu.

Menurutnya, saringan kontak rapat di Malaysia mengesan 26 kes positif dan kes ini dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kuala Lumpur.

"Sehingga hari ini (semalam), 1,170 individu disaring menyaksikan 26 kes dikesan positif Covid-19 (tiga kes baharu) dan 535 individu dikesan negatif manakala 609 individu lagi masih menunggu keputusan.

"Sementara itu, Kluster Bah Arnab di daerah Kuching, Sarawak diisytiharkan tamat," katanya.



**ANGGOTA** Trup Tindakan Cepat (TTC) Jabatan Penjara Malaysia berkawal di laluan masuk ke Kompleks Penjara Kota Kinabalu yang dikaitkan dengan kluster Penjara Kepeyan, semalam.

Oleh Melvin Joniam@hmetro.com.my

### Kuching

Ahli Parlimen Bintulu, Tiong King Sing memohon maaf susulan kenyataannya mendakwa Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah takut mati.

Menerusi satu kenyataan semalam, beliau berkata, permohonan maaf berkenaan dibuat bagi memastikan perjalanan sidang Dewan Rakyat lancar selain demi kepentingan dan keharmonian negara.

"Saya membuat permohonan maaf sekiranya ada keterlanjuran kata saya ketika perbahasan Belanjawan 2021.

"Langsung tidak terdetik

# Tiong mohon maaf akhirnya

Ahli Parlimen Bintulu mahu pastikan sidang Dewan Rakyat berjalan lancar

untuk saya menafikan amalan mulia semua barisan doktor, jururawat, barisan hadapan termasuk Ketua Pengarah Kesihatan.

"Saya hanya berniat untuk membahaskan soal Covid-19 yang membimbangkan rakyat supaya dilaksanakan dengan lebih berkesan.

"Saya tidak mahu kerana saya, seluruh urusan Dewan

Rakyat yang mulia ini terganggu," katanya.

Tiong ketika membahaskan Rang Undang-Undang Pembekalan (Belanjawan) 2021 baru-baru ini menimbulkan kekecohan di dewan apabila mendakwa Dr Noor Hisham takut mati.

Beliau dengan lantang mengatakan Dr Noor Hisham tidak berani untuk tu-

run ke Sabah tatkala negeri berkenaan mengalami kesan paling teruk akibat daripada gelombang ketiga Covid-19.

Dakwaan itu menyebabkan beberapa Ahli Parlimen bangkit membantah kenyataan itu dengan menyifakannya sebagai penghinaan kepada Dr Noor Hisham dan barisan hadapan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19

**Seremban:** Hampir 100 peratus kakitangan dan pelajar Sekolah Tinggi Islam As Sofa (STIAS) Senawang, dekat sini, yang disahkan positif Covid-19 sebelum ini dan mencetuskan Kluster Sofi sudah pulih sepenuhnya.

Hanya seorang guru yang masih menerima rawatan di Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) di sini, sehingga kini.

Pengerusi Pengelolaannya, Abdullah Abdol Razak berkata, pelajar, guru dan warga kerja STIAS yang lain sudah sembuh dan dibenarkan keluar dari pusat kuarantin

## Hanya tinggal seorang guru STIAS masih terima rawatan

serta hospital.

"Hampir semua warga Sekolah Tinggi Islam As Sofa sudah pulih daripada pandemik Covid-19. Hanya seorang guru yang sedang menerima rawatan di HTJ Seremban.


"Kami mendoakan beliau dikurniakan kesihatan yang baik dan segera sembuh seterusnya dapat meneruskan



pengajian serta pembelajaran seperti sebelum ini," katanya di sini, semalam. Terdahulu, STIAS me-

maklumkan 99 warga sekolah itu disahkan negatif Covid-19 dalam ujian saringan kedua dijalankan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dan discaj daripada Hospital Rembau serta HTJ.

Pihak sekolah juga sudah menjalankan proses sanitasi bangunan dan seluruh kawasan sekolah sebelum dibuka semula kelak.



SUASANA bandar Seremban yang lengang berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), semalam. Kenaikan kes Covid-19 di Negeri Sembilan mengundang kebimbangan ramai.

Oleh Mohd Amin Jalil  
am@hmetro.com.my

**Seremban**

**K**luster Cergas yang membabitkan sebuah kilang di sini, menjadi antara penyumbang tertinggi Covid-19 di negeri ini.

Sehingga kelmarin, kluster itu mencatatkan 1,120 kes daripada jumlah keseluruhan 3,373 kes.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, tiga lagi kluster yang turut menyumbang peningkatan kes di Negeri Sembilan adalah Kluster Kaya sebanyak 482 kes; Kluster Lengkok (232 kes) dan Kluster Taman Bunga (53 kes).

Katanya, dari jumlah itu, sebanyak 1,892 kes sudah sembuh dan discaj manakala 1,473 kes masih menerima rawatan di wad dan jumlah kematian akibat Covid-19 masih kekal dengan lapan kes.

"Memang kita (kerajaan negeri) bimbang dengan pe-

# Cergas sumbang 1,120 kes

**Kerajaan Negeri Sembilan bimbang kenaikan Covid-19**

ningkatan kes Covid-19 secara mendadak di negeri ini.

"Daripada laporan yang diterima daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNS) kebanyakan kes positif yang dikesan adalah daripada kluster yang sudah dikenal pasti dan dikawal Kementerian Kesih-

tan (KKM). "Justeru, saya memohon supaya rakyat Negeri Sembilan kekal bertenang dan terus mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) yang digariskan Majlis Keselamatan Negara (MKN)," katanya da-

lam satu kenyataan di sini, semalam.




Aminuddin berkata, mematuhi amalan normal baharu yang digariskan adalah sangat penting bagi memastikan kluster baharu tidak wujud di negeri ini.

"Setiap daripada kita berperanan besar dalam memastikan pandemik ini dapat dihentikan dan kadar kebolehhajitan atau RO berada di tahap yang rendah," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan berkata, terdapat 1,646 kes aktif mengikut definisi Program Pengurangan Risiko Daerah (jumlah kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari terakhir).

Menurutnya, berdasarkan pecahan daerah, Seremban mencatatkan sebanyak 367 kes baharu, diikuti Rembau sebanyak empat kes.

"Selain itu, daerah lain tidak mencatatkan kes baharu dan Tampin kekal di bawah Zon Hijau," katanya ketika dihubungi.



SUASANA lengang dapat dilihat di Pantai Klebang, Melaka ketika tujauan, semalam. Kawasan berkenaan yang merupakan tempat tumpuan pelancong yang kebiasaannya dipenuhi dengan pengunjung pada cuti umum kini sepi akibat Covid-19.

## 2,000 pekerja hotel bakal diberhentikan

**Kuala Lumpur:** Industri pelancongan yang terjejas teruk ekoran pandemik Covid-19 memerlukan bantuan pernafasan daripada kerajaan jika ingin terus kekal bertahan, sekali gus membantu ekonomi negara berkembang, kata pemain industri berkenaan.

Ramai dalam kalangan pemain industri berpendapat Belanjawan 2021 untuk sektor pelancongan perlu dinilai semula, selain diberikan sokongan jauh lebih baik bagi membolehkan mereka terus berada dalam sektor berkenaan.

Presiden Persatuan Hotel Bajet Malaysia (Mybha), Emmy Suraya Hussein berkata, jika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) terus berlanjutan sehingga akhir tahun ini tanpa sebarang bantuan daripada kerajaan, sekurang-kurangnya 40 hotel bajet di kawasan bandar utama negara akan ditutup menyebabkan kira-kira 2,000 pekerja diberhentikan.

"Tiada jalan lain. Operator hotel tidak mampu untuk menanggung kos perbelanjaan termasuk gaji pekerja. Bayangkan, untuk dapatkan tempahan bilik satu malam pun susah.

"Bagaimana kami dapat bertahan dalam masa sebulan dua ini?" katanya kepada Bernama.

Beliau berkata, antara bantuan boleh diberikan kerajaan selain peruntu-

kan khas adalah lanjutan moratorium supaya pemain industri akan dapat memfokus dengan menyusun kembali kewangan syarikat.

Selain itu, beliau mendakwa, Skim Pembiayaan Sektor Pelancongan Penjana sebanyak RM1 bilion diumumkan kerajaan begitu sukar diperoleh dan hanya tiga peratus sahaja permohonan daripada 2,300 ahli persatuan diluluskan kerana peraturan ketat dikenakan pihak bank.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pemandu-Pemandu Pelancong Bumiputera Malaysia, Zulkifli Ismail berharap Belanjawan 2021 dapat dikaji semula dengan memberi bantuan one-off sekurang-kurangnya RM1,000 kepada pemandu pelancong yang menjadi barisan hadapan pelancongan negara.

Beliau berkata, ini kerana 80 peratus daripada 9,000 ahli persatuan adalah petugas separuh masa yang tidak mempunyai gaji tetap dan terkesan teruk sejak PKP dilaksanakan sehingga terpaksa membuat kerja lain.

"Antara bantuan lain boleh disalurkan kerajaan adalah menyediakan kawasan khas kepada persatuan dan ahli untuk memasarkan produk pelancongan seperti kraf tangan dan pakaian, bagi menyemarakkan kembali industri pelancongan negara," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19

1,208 individu positif Covid-19, tiga kematian direkodkan semalam

## Kes di Lembah Klang atasi Sabah

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Lembah Klang merekodkan peningkatan 661 kes baharu atau 54.7 peratus sekali gus mengatasi Sabah yang mencatatkan 381 kes atau 31.5 peratus daripada jumlah keseluruhan 1,208 kes positif semalam.

Mengikut pecahan negeri-negeri di Lembah Klang, Kuala Lumpur melaporkan kes tertinggi dengan 475 kes baharu, Selangor (185) dan satu kes di Putrajaya.

Berdasarkan angka kes di Lembah Klang pula, sebanyak 594 kes atau 89.9 peratus adalah daripada kluster-kluster aktif dengan Kluster Tapak Bina Damamela di Kuala Lumpur mencatatkan kes tertinggi sebanyak 460 kes iaitu 339 kes di Kepong dan 121 kes di Cheras.

Bagi angka kes di seluruh negara, sebanyak tujuh kes atau 0.6 peratus disumbangkan oleh kluster-kluster penjara iaitu empat kes Kluster Penjara Seberang Perai, dua kes Kluster Penjara Sandakan, manakala Kluster Penjara Kepayan dengan satu kes baharu.

Terdapat tiga kematian Covid-19 dicatatkan semalam di Sabah melibatkan kanak-kanak pe-



**ANGGOTA** polis dan tentera memeriksa kenderaan yang melalui sekatan jalan raya di Persiaran Puncak Jalil, Kuala Lumpur bagi mencegah penularan wabak Covid-19. – FARIZ RUSADIO

rempuan berusia lapan tahun dan dua warga emas lelaki dan wanita masing-masing berusia 77 dan 63 tahun.

Kes tersebut dilaporkan di Hospital Tawau dan Hospital Duchess of Kent dengan pelbagai latar belakang penyakit, menjadikan sebanyak 309 kes kematian dilaporkan sehingga kini.

Ketua Pengarah Kesihatan,

Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, terdapat tiga kluster baharu dilaporkan semalam dan satu daripadanya ialah Kluster Plaza di Kota Kinabalu, Sabah melibatkan 12 kes positif dengan kes indeks saringan bergejala.

"Seterusnya, Kluster Jalan Kalabakan di Tawau, Sabah melibatkan 22 kes positif dengan kes indeks kluster ini hasil saringan

bergejala serta telah dimasukkan ke Hospital Tawau.

"Kluster Jeri pula di Kota Tinggi, Mersing dan Muar, Johor melibatkan 26 kes positif dengan kes indeks kluster ini hasil saringan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA), Singapura pada 6 November.

"Kes itu telah dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah



**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

	Jumlah
• Kes baharu	1,208
• Import: 6 Tempatan: 1,202	
• Pulih	1,013
• Kematian	3
• Masih dirawat	12,323
• Jumlah kes sembuh	34,785
• Jumlah Kematian	309
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>47,417</b>

Khalsom, Kluang, Johor," katanya di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, sebanyak enam kes import dilaporkan semalam membabitkan warga asing yang tiba dari India, Bangladesh, Nepal dan Indonesia.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, satu lagi kluster diisytiharkan tamat semalam iaitu Kluster Bah Arnab di Kuching, Sarawak menjadikan sebanyak 139 kluster tamat sehingga kini.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# 1,208 kes baharu, tiga kematian

1,013 kes pulih dicatat menjadikan jumlah kumulatif adalah sebanyak 34,785 kes

### KUALA LUMPUR

**K**es positif koronavirus (Covid-19) di Malaysia terus mencatatkan angka empat digit dengan 1,208 lagi kes baharu direkodkan semalam selain tiga lagi kematian dicatat dar tiga kluster baharu dikenal pasti.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam

satu kenyataan memaklumkan, daripada jumlah itu, negeri dan Wilayah Persekutuan di Lembah Klang menyumbang kes positif tertinggi iaitu 661 kes manakala 381 kes direkodkan di negeri Sabah.

"Daripada 1,208 kes baharu pada hari ini (semalam), Kuala Lumpur melaporkan enam kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara. Kesemua kes import tersebut melibatkan bukan warganegara yang tiba dari negara Indonesia, Bangladesh dan Nepal (masing-masing satu kes) dan India sebanyak tiga kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Malaysia turut mencatatkan sebanyak 1,013



DR NOOR HISHAM

kes pulih semalam sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 adalah 34,785 kes atau 73.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, perkembangan terbaharu itu menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak

### Tiga kluster dikesan di Sabah, Johor

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam mengesan tiga lagi kluster baharu Covid-19 melibatkan dua di Sabah dan satu di Johor, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, di Sabah, Kluster Plaza di Kota Kinabalu yang membabitkan kes (ke-42,299) dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 11 November dan dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah, Institut Kemahiran Mara, Kota Kinabalu.

Beliau berkata, hasil saringan

kontak rapat telah mengesan 11 lagi kes positif Covid-19.

"Kluster kedua di Sabah iaitu Kluster Jalan Kalabakan dikesan di Tawau melibatkan kes indeks (ke-31,309) yang dikenal pasti positif hasil saringan individu bergejala pada 31 Oktober dan dimasukkan ke Hospital Tawau," katanya semalam.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, di Johor, Kluster Jeri dikesan di Kota Tinggi, Mersing dan Muar membabitkan kes indeks yang dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA), Singapura pada 6 November. - *Bernama*

47,417 kes manakala jumlah kes aktif dengan kebolehhajatan Covid-19 pula adalah sebanyak


12,323 kes.

Menurutnya, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 pula adalah se-

banyak 309 kes atau 0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes. - *Bernama*

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

**Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia**




\* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 15 November 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 46,209 kes kepada 47,417 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI				
JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU
47,417	34,785	104	309	+1,208



INFOGRAFIK SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : COVID-19

# Kuala Lumpur catat kes lebih tinggi daripada Sabah

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamula.com.my

**PUTRAJAYA:** Buat kali pertama dalam tempoh gelombang ketiga pandemik Covid-19, Kuala Lumpur mengatasi Sabah apabila mencatatkan kes baharu positif tertinggi iaitu sebanyak 469 kes berbanding 381 kes di Sabah.

Angka itu merupakan sebahagian daripada keseluruhan kes di Lembah Klang berjumlah 661 kes iaitu hampir dua kali ganda kes di Sabah yang banyak disumbangkan dari Kluster Tapak Bina Damanlela di Kuala Lumpur sebanyak 460 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu mengakibatkan jumlah kumulatif kes positif di negara ini semakin meningkat dengan 1,208 kes, manakala jumlah kes aktif dengan kebolehhajangkitan adalah 12,323 kes.

Walaupun bagaimanapun, kata beliau, bilangan kes pulih amat membanggakan dengan 1,013 kes

**“Jumlah itu mengakibatkan jumlah kumulatif kes positif di negara ini semakin meningkat.”**  
**HISHAM ABDULLAH**



direkodkan sekali gus menjadikan kumulatif kes pulih adalah 34,785 kes atau 73.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

“Sebanyak tiga kematian dan tiga kluster baharu dicatatkan hari ini.

“Tiga kluster baharu itu ialah Kluster Plaza di Kota Kinabalu,

Sabah (12 kes), Kluster Jalan Kalabakan di Tawau, Sabah (22 kes), dan Kluster Jeri di Kota Tinggi, Mersing, dan Muar di Johor hasil saringan di Pintu Masuk Antarabangsa, Singapura (26 kes),” katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Dr. Noor Hisham,

perkembangan kes positif di negeri-negeri lain pula ialah Selangor mencatatkan 185 kes, Negeri Sembilan (48 kes), Pulau Pinang (42 kes) dan Labuan (30 kes).

Katanya, Johor merekodkan sembilan kes, Sarawak (empat kes), Melaka (dua kes), manakala masing-masing satu kes di Kelantan, Putrajaya dan Perlis.

Beliau turut memaklumkan Kluster Bah Arnab di Sarawak ditamatkan selepas 72 individu disaring yang mana 12 kes dikecualikan positif, manakala 60 individu lagi negatif selain tiada kematian dilaporkan bagi kluster itu.

“Sehingga kini, terdapat 104 kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 42 kes memerlukan bantuan pernafasan.

“Sebanyak tujuh kes dilaporkan berkaitan kluster-kluster di penjara melibatkan Kluster Penjara Seberang Perai (empat kes), Kluster Penjara Sandakan (dua kes) dan Kluster Penjara Kepayan (satu kes),” katanya.

## Ramai lagi penghuni Medan 88 belum disaring

**SELANGOR:** Dua lagi penghuni dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (Temco) di Medan 88, Bandar Baru Salak Tinggi di sini menyerah diri kepada pihak berkuasa hari ini.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof berkata, secara keseluruhannya dalam tempoh empat hari lalu, jumlah keseluruhan penghuni Medan 88 yang telah serah diri adalah seramai 29 orang.

“Mengikut pecahan jantina, daripada jumlah itu, seramai 21 adalah lelaki dan lapan adalah wanita,” katanya dalam kenyataan semalam.

Pecahan mengikut kewarganegaraan pula katanya, warga Indonesia dan Thailand masing-masing seramai tujuh orang dan seorang lelaki terdiri warga India, Nepal dan Myanmar.

“Warga tempatan pula seramai sembilan lelaki dan tiga wanita,” katanya.


Dalam pada itu, katanya, jumlah orang yang telah disaring adalah seramai 324 orang dengan seramai 44 orang positif Covid-19 sebelum Temco dilaksanakan.

“Sementara itu, jumlah positif saringan selepas Temco dilaksanakan adalah seramai empat orang.

“Secara keseluruhannya jumlah positif Covid-19 di Medan 88 adalah seramai 48 orang,” katanya.

Menurutnya, polis akan mempertingkatkan usaha bagi mengesan penduduk yang hilang di samping mengharapkan bantuan orang ramai bagi menyalurkan bantuan.

Perintah Temco di kawasan itu bermula 12 November lalu sehingga 25 November membatik 88 unit rumah kedai, 284 premis dan 800 penduduk.



**Lengang...**

**PELAKSANAAN** Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sejak 14 Oktober lalu menyaksikan pusat bandar

Kuala Lumpur terus lengang. Selain pematuhan terhadap PKPB, cuti umum sempena perayaan Deepavali kelmarin

menyebabkan orang ramai memilih untuk berehat di rumah. ■ JALAN Tun Razak di Kuala

Lumpur yang sering berlaku kesesakan teruk lengang walaupun pada hujung minggu. - UTUSAN/AMIR KHALID.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

## Another 1,208 new cases reported, Klang Valley hitting 661

**PETALING JAYA:** The latest Covid-19 infections came up to 1,208 cases, with more than half recorded in the Klang Valley.

The 661 cases registered in the Klang Valley yesterday exceeded those from Sabah.

For the third consecutive day, Malaysia saw another four-figure increase in daily infections, with Kuala Lumpur recording 475 new cases, including six imported cases, and 185 in Selangor.

In comparison, Sabah - which is largely seen as the epicentre of the third wave of the Covid-19 pandem-

ic in the country - recorded 381 cases.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said other states that recorded new cases were Negri Sembilan (48), Penang (42), Labuan (30), Perak (21), Johor (nine), Kedah (eight), Sarawak (four), Melaka (two), and one each in Kelantan, Putrajaya and Perlis.

Combined, the Klang Valley recorded 661 new cases (54.7% of the total) yesterday, with the Damansara Construction Site cluster in Kuala Lumpur recording 460 cases.

No new cases were reported in

Terengganu and Pahang.

The six imported cases came from India, Bangladesh, Nepal and Indonesia.

This brings the cumulative total number of cases in the country to 47,417, with the number of active cases in the country at 12,323.

The country reported three new Covid-19 fatalities yesterday, all from Sabah, bringing the country's death toll to 309.

Dr Noor Hisham said in a statement that one of the new fatalities was that of an eight-year-old girl from Hospital Tawau.

The other two cases were reported at Hospital Duchess of Kent involving a 77-year-old man who had a history of high blood pressure, heart disease and kidney disease as well as a 63-year-old woman who had diabetes, high blood pressure and heart disease.

A total of 1,013 patients were discharged, bringing the total number of people who have recovered from Covid-19 in the country to 34,785 or 73.4% of total infections.

Currently, 104 people are being treated at intensive care units, with 42 of these patients requiring venti-

lator support.

He also noted that three new clusters had been identified.

The Plaza cluster in Kota Kinabalu recorded 12 cases as of yesterday while the Jalan Kalabakan cluster in Tawau registered 22 cases.

The Jeri cluster in Kota Tinggi, Mersing and Muar districts in Johor had 26 cases linked to it as of yesterday.

Dr Noor Hisham also declared that the Bah Arnab cluster in Kuching had ended.

The cluster had identified 12 positive cases with no deaths.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

# Moral support vital in surviving ordeal

By STEPHANIE LEE  
stephanielee@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** Families and friends of Covid-19 patients are counting on prayers and moral support to keep themselves strong in their hour of need.

When his wife first tested positive for the virus, an enforcement officer, who wants to be identified only as TJ, said his mind went blank.

"I was shocked and speechless. I sat down and my mind went blank for a moment.

"Then I was overwhelmed with worries," said the 39-year-old father of three.

Besides worrying about his wife's life and health, he was also concerned about their children, especially the youngest, who was still being breastfed.

For the first two days after the diagnosis, he was rather depressed but luckily, he soon picked himself up with support from family and friends.

"I realised that I have to be strong for my wife and children, so I told her that we would be fine at home and all she has to do is to get well fast during treatment at the quarantine centre," he said.

TJ felt that if he had not gotten such overwhelming moral and emotional support from his friends and family, he might not have been able to deal with the matter as well as he could.

He also believed that there should not be any negative stigma from the



**Home visit:** A Health Ministry personnel taking a swab sample from a child at Kampung Lupak Meluas Darat in Sandakan. A family member of a Covid-19 patient says that there should not be any negative stigma against patients and their families. — Bernama

community against patients and their families because a positive society helped the sick recover better.

"Getting the right information on the virus and how it affects patients and their families is also vital to ensure a proper recovery and approach when dealing with such cases," he said.

Mira Stephens, 33, whose boyfriend battled a three-month fight against Covid-19, said her heart sank when she learnt about it several months ago.

"I was sad and extremely worried because we are in a long distance

relationship due to the nature of his job, which requires him to travel every month. He was in Africa when he contracted the virus," she said.

Having never experienced such situation before, the salon manager tried her best to think positive and act strong.

"I tried not to show him that I was worried because he needed all his strength to recover, and I just wanted him to get well," said Mira, who prayed every day to keep herself calm as well as for her boyfriend's recovery.

"I called him every day and assured him that he could tell me

## Battling Covid-19

anything anytime he wanted to," she said.

For clerk Lorraine Jacob, whose husband is still being treated for the virus, keeping herself informed about Covid-19 and the past experiences of patients helped keep her calm.

"At first, I was a mess as I was thinking of the worst. But I'm lucky to have so many friends and family members who gave me support and encouragement," she said.

A few of Lorraine's friends came forward to reveal that they too had battled the virus and how they coped, while families shared how they coped when their loved ones were down with Covid-19.

"The information gave me the assurance that things will be better," said the mother of two, adding that her daily prayers were a tremendous help.

Now that Lorraine is able to better handle her emotions and thoughts, she is continuing to give her husband moral support as well as taking care of her two sons.

"You can't go through these challenges without moral support and prayers. They keep you sane and help you to be strong for the patient and your family," she said.

# Another Covid-19 patient falls from hospital

**KOTA KINABALU:** For the second time in a month, a Covid-19 patient fell from a hospital building here.

In the latest case on Saturday night, a 64-year-old cancer patient who tested positive for Covid-19 fell from the sixth floor.

He survived with injuries to his arm and waist as he apparently landed on the third floor roof.

Kota Kinabalu OCPD Asst Comm Habibi Majinji said police would record a statement from him at a more suitable time.

Lintas Fire and Rescue chief Agustavia Joe Guasi said the man was given preliminary treatment before he was taken down from the roof.

"We received a call about the incident at 8.22pm and dispatched a 15-man team," she said.

On Oct 21, a patient who had recovered and was supposed to return home the next day died after falling from a hospital here.

The 63-year-old woman was hospitalised on Oct 13 when she tested positive for the virus.

Those suffering from problems or contemplating suicide can contact the Befrienders service nearest them.

For a list of numbers and operating hours, go to [befrienders.org.my/centre-in-malaysia](http://befrienders.org.my/centre-in-malaysia).



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NATION

# 1,208 new virus cases, 3 fatalities reported

▶ Three fresh clusters detected in Kota Kinabalu, Tawau and Johor

**PETALING JAYA:** The number of new Covid-19 cases rose slightly to 1,208 yesterday, up from 1,114 the day before.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the total number of cases in the country now stands at 47,417.

Of the new cases, six were imported and the rest were local transmissions. There were another three fatalities, bringing the death toll to 309.

Noor Hisham said 1,013 patients recovered and were discharged from hospital yesterday. This takes the recovery tally to 34,785, or 73.4% of the total number of infections.

The number of active cases stands at 12,323 and 104 of them are receiving treatment in intensive care units, with forty of them needing ventilator assistance.

Three new clusters were reported, namely the Plaza cluster in Kota Kinabalu, Kalabakan cluster in Tawau, and the Jeri cluster covering the Johor districts of Muar, Kota Tinggi and Mersing.

A total of 131 individuals were also caught at entertainment outlets. They were among 568 detained on Saturday for flouting the recovery movement control order.

Of those nabbed, 516 were issued

compounds, 49 remanded and the remaining three released on bail, Senior Minister (Defence) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said.

He added that under Ops Benteng, 42 foreigners were detained for attempting to enter the country without proper documents.

"The government will take stern action against any party trying to enter our country illegally. Enforcement agencies will continue to tighten our borders."

The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry conducted checks on compliance with standard operating procedures on 981 premises and found all were adhering to the rules.

From July 24 till yesterday, 67,555 individuals returned to the country through international entry points and all were housed in 67 hotels as well as 20 public and private training institutes. - Bernama

**WELCOMED MOVE...** Petty traders setting up stalls after Kuala Lumpur City Hall launched a scheme to allow anyone to engage in small businesses at any suitable location in the city from Nov 15 to April 15, 2021.

- ADIB RAWI YAHYA/THESUN

